

13 SEP 2002

DR MAHATHIR TIBA DI KEDAH UNTUK HIMPUNAN MESRA RAKYAT

ALOR SETAR, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat sini untuk lawatan kerja sehari ke Kedah.

Ketibaan beliau bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kira-kira 9 pagi disambut Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, anggota-anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) dan rakyat.

Dr Mahathir dijadual menyempurnakan majlis pecah tanah projek Naza-Kia Motor di Gurun sebelum menghadiri Himpunan Mesra Rakyat Bersama Perdana Menteri di Kolej Sultan Abdul Hamid di sini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri akan menerima resolusi Konvesyen BN Kedah yang berlangsung semalam.

Selepas itu, beliau akan menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Bukhary di Alor Malai di sini.

Pada sebelah petangnya, beliau dijadual merasmikan Kilang Asian Composites Manufacturing Sdn Bhd (ACM) di Bukit Kayu Hitam sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

-- BERNAMA

MNH JM ROS